

MAJLIS DAERAH RAUB
PAHANG DARUL MAKMUR

KENYATAAN SEBUTHARGA

- 1.0. Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat/kontraktor yang berdaftar dengan **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) – MEMPUNYAI PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DENGAN GRED G1** yang masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :-

BIL. SEBUTHARGA & TAJUK KERJA	HARGA DOKUMEN (RM)	KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH & MASA TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
1.1 MDR/JKB/P/6/2016 MENAIKTARAF DEWAN DI KAMPUNG ULU GALI, MD. RAUB, PAHANG	20.00 + 1.20 (6% GST)	CE – CE21	19 JAN 2016	
1.2 MDR/JKB/P/7/2016 MENAIKTARAF JALAN DAN LONGKANG DI KAMPUNG MELAYU SEMPALIT, MD. RAUB, PAHANG	30.00 + 1.80 (6% GST)	CE – CE01	10.00 PAGI	27 JAN 2016
1.3 MDR/JKB/P/8/2016 MENAIKTARAF JALAN DAN LONGKANG DI KAMPUNG GALI TENGAH, MD. RAUB, PAHANG	20.00 + 1.20 (6% GST)	CE – CE01		

- 2.0. Naskah Sebutharga akan dipamirkan mulai daripada **19 JAN 2016** hingga **27 JAN 2016** di Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Daerah Raub mulai jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang waktu pejabat.
- 3.0. Dokumen Sebutharga akan dijual mulai **19 JAN 2016** hingga **22 JAN 2016**. Dokumen Sebutharga tidak akan dijual selepas tarikh ini.
- 4.0. Kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Deraf berharga seperti ditetapkan di para 1 bagi setiap naskah sebutharga yang dibuat atas nama Yang DiPertua, Majlis Daerah Raub, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur sebagai bayaran pembelian dokumen sebutharga dan bayaran tersebut tidak akan dikembalikan
- 5.0. Hanya pemilik lesen PKK & CIDB sahaja dibenar membeli borang sebutharga/ melawat tapak. Wakil sah hanya dibenarkan dengan syarat membawa surat wakil yang tertera nama dan nombor kad pengenalan wakil pemilik lesen dengan membawa bersama lesen pendaftaran **ASAL** semasa menghadiri lawatan tapak/ taklimat.

- 6.0. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Wakil sah hanya dibenarkan mewakili satu pemilik lesen sahaja. Untuk maksud ini, lesen pendaftaran **ASAL** Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia hendaklah ditunjukkan semasa memohon dokumen sebutharga.
- 7.0. Kontraktor yang telah membuat pendaftaran **Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST)** dengan Jabatan Kastam hendaklah mengemukakan **SALINAN** pendaftaran semasa membeli borang sebutharga.
- 8.0. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat projek yang akan diadakan pada **19 JAN 2016**. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di Pejabat Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Daerah Raub sebelum jam 10.00 pagi pada hari tersebut.
- 9.0. Sebutharga ini akan ditutup pada tarikh ditetapkan di para 1. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri yang bertulis tajuk kerja di bahagian atas sebelah kiri sampul surat. Dokumen sebutharga ini hendaklah dialamatkan kepada :-

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH RAUB,
27600 RAUB.

dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga sebelum jam **12.00 tengahari** pada hari sebutharga ditutup.

- 10.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga dan semua perbelanjaan bersabit dengan sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

Bertarikh : *8 JANUARY 2016*

(DATO' HAJI KHAIRULNUAR BIN MAHMOOD
DIMP, SMP., AMP., AMN)
Yang DiPertua,
Majlis Daerah Raub.

S.K

1. Fail Terapung MDR. 5815/1/2016